

# PENGURUSAN KEBAKARAN HUTAN DI SABAH: PENGALAMAN DAN CABARAN ANGGOTA *INITIAL ATTACK CREW* (IAC) JABATAN PERHUTANAN SABAH

Musa Salleh<sup>1</sup>, Daim Balingi<sup>1</sup>, Farrah Salvana Savaln<sup>1</sup> & Sylvester Michael<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Perhutanan Sabah (MALAYSIA)*

*E-mel: musa.salleh@sabah.gov.my, daim.balingi@sabah.gov.my,  
farrahsalvena.savln@sabah.gov.my, sylvesterboy.michael@sabah.gov.my*

## Abstrak

Kebakaraan hutan merupakan cabaran yang besar dalam pengurusan hutan di Sabah, kerana mengakibatkan kemusnahan vegetasi, biodiversiti dan ekologi hutan. Dalam tempoh tahun 2015 hingga 2020, luas kawasan hutan terbesar yang terbakar adalah 20,000 ha pada tahun 2016. Menyedari kemusnahan akibat kebakaran hutan, Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) telah mengaplikasikan *Fire Danger Rating System* (FDRS) yang menghasilkan peta indeks kebakaran hutan setiap hari untuk tindakan pencegahan. Pembinaan pemisah api (*fire break*), perolehan peralatan kebakaran hutan serta latihan berterusan turut dipertingkatkan. Pada tahun 2018, satu pasukan khas seramai 80 orang yang terdiri daripada kakitangan sedia ada, dikenali sebagai *Initial Attack Crew* (IAC) ditubuhkan. Pasukan ini telah menjalani latihan intensif pencegahan dan pengawalan kebakaran hutan serta latihan asas menyelamat nyawa. Anggota IAC ini telah berjaya mengawal kebakaran hutan tanah gambut dan hutan bukit semasa kemarau panjang termasuklah semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Dengan adanya FDRS, IAC dan *fire break*, JPS telah berjaya mengawal kebakaran hutan dengan lebih berkesan. Kempen-kempen kesedaran awam terhadap bahaya kebakaran hutan juga turut dijalankan. Impak dari pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh JPS, kadar kemusnahan dan kerugian akibat kebakaran hutan telah berjaya dikurangkan.

Kata Kunci: Kebakaran Hutan, *Initial Attack Crew* (IAC), Pencegahan dan Pengawalan